


SYUHADA DI BUMI BARAKAH AL-QUDS

Siri

2

Ahmad Kailani Muhammad (Abu Al-Abrar)





SYUHADA DI BUMI BARAKAH AL-QUDS

**Ahmad Kailani Muhammad
(Abu Al-Abrar)**

PUSTAKA PERDANA



1013903

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2025



SYUHADA DI BUMI BARAKAH AL-QUDS - SIRI 2

Hak Cipta Terpelihara @ Ahmad Kailani Muhammad (Abu Al-Abrar), 2025
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2025

Cetakan Pertama, 2025

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0067-36-0

Editor: Hanis Sofiya
Prof: Alif Fitri
Atur Huruf: Hanis Sofiya
Reka Kulit: Sa'adah Shahnom
Jualan & Pemasaran: Amin Iskandar & Aqilah Syazwina

Dicetak oleh: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd (819193-K)
No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
Bab 1 Muhammad Farghali, Syeikh Pendakwah Mujahid	9
Bab 2 Syeikh Abdullah Azzam, Mujahid Arab di Afghanistan	27
Bab 3 Muhyiddin Al-Sharif, <i>The Engineer No. 2</i>	53
Bab 4 Imad Hassan Ibrahim Aqel, Pakar Pertempuran Titik Sifar	63
Bab 5 Muhannad Tahir, <i>The Engineer No.4</i>	83
Bab 6 Nidhal Farhat, Putera Seorang Khansa' Palestin	97
Bab 7 Adnan Al-Ghoul, Bapa Rocket Al-Qassam	107
Bab 8 Nizar Rayyan, Ulama Mujahid Yang Memikul RPG Al-Yassin	127
Bab 9 Saeed Siyam, Menteri Pertama yang Syahid	145
Bab 10 Mahmoud Al-Mabhoh, Syeikh Mujahid Yang Syahid Di Bumi Asing	159
Bab 11 Raed Al-Attar, Jurutera Terowong	177
Bab 12 Saleh Al-Arouri, Arkitek Perjuangan Rakyat Palestin	197
Bab 13 Muhammad Al-Deif, Lelaki Yang Mempunyai Sembilan Nyawa	213
Bab 14 Ismail Haniyeh, Perdana Menteri Yang Menghuni Kem Pelarian	233
Bab 15 Yahya Sinwar, Seorang Pejuang dengan Kepahlawanan Sejati	251

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda SAW, sahabat baginda SAW serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah baginda SAW.

Dengan izin Allah, saya dapat menyempurnakan Siri 2 kompilasi mengenai para syuhada Palestin, terutamanya kepimpinan dalam Hamas dan Briged Izzuddin Al-Qassam. Dalam siri ini, biografi para syuhada dimulakan dengan Syeikh Muhammad Farghali, seorang pendakwah dan ulama dari Ikhwanul Muslimin Mesir yang telah menjadi pemimpin mujahidin dalam Perang 1948. Ini diikuti dengan Syeikh Dr. Abdullah Azzam, yang walaupun berjihad dan syahid di Afghanistan, tetapi dimasukkan dalam siri ini kerana beliau berasal dari Palestin, dan beliau sedang berusaha untuk meneruskan jihad di Palestin selepas berjaya mengusir keluar Rusia dari Afghanistan sebelum gugur syahid. Biodata Dr. Nizar Rayyan, seorang ulama besar dan mujahid dalam bidang hadis juga turut dimasukkan dalam buku ini. Ulama mujahid seperti Syeikh Muhammad Farghali, Syeikh Abdulah Azzam dan Syeikh Nizar Rayyan adalah umpama Abdullah Ibn Mubarak di zaman moden yang 'pipi-pipi mereka basah dengan air mata kerana qiamullail, dan leher mereka basah dengan darah kerana berjihad'.

Para syuhada lain yang nama mereka turut diabadikan di dalam siri ini ialah Muhyiddin Al-Sharif yang digelar *The Engineer No. 2*, Muhanad Al-Tahir yang dikenali sebagai *The Engineer No. 4*, Raed Al-Attar seorang jurutera terowong, Imad Aqel pakar strategi, Adnan Al-Ghoul yang digelar Bapa Roket Al-Qassam, Mahmoud Al-Mabhohuh pakar persenjataan

Al-Qassam dan Nidhal Farhat seorang pembangun industri roket Al-Qassam.

Selain itu biodata beberapa orang pemimpin paling kanan Hamas dan Briged Al-Qassam turut dicatatkan dalam siri ini. Mereka adalah termasuk Saeed Siyam, Menteri Dalam Negeri negara Arab yang pertama syahid, Saleh Al-Arouri dan Ismail Haniyeh yang syahid di luar bumi Palestin serta Muhammad Al-Deif dan Yahya Sinwar yang kedua-duanya telah memberikan pukulan yang hebat dan menjadi mimpi ngeri kepada Zionis sebelum kesyahidan mereka.

Mereka semua ini adalah pejuang yang terus berpegang teguh pada jalan jihad yang telah dirintis oleh para syuhada sebelumnya demi pembebasan Palestin dan menentang penjajah Zionis yang kezalimannya sekarang telah melampaui batas kewarasan manusia.

Syeikh Dr. Nizar Rayyan telah menulis dalam wasiatnya bahawa beliau tidak akan memaafkan seorang pun yang menumpahkan darahnya, baik daripada pihak penguasa mahupun yang lainnya dan beliau akan menuntut darahnya di hadapan Allah nanti. Semoga kita tidak termasuk dalam golongan mereka yang hanya melihat kezaliman yang melampaui batas ke atas saudara-saudara kita di Palestin sekarang tanpa berbuat apa-apa dalam menyokong dan membantu mereka. Semoga akan lahir ramai lagi Abdullah Azzam, Nizar Rayyan, Muhyiddin Al-Sharif, Adnan Al-Ghoul, Muhammad Al-Deif, Ismail Haniyeh, Yahya Sinwar dan yang seumpamanya dalam kalangan umat ini yang akhirnya mampu mengembalikan Al-Quds ke tangan umat Islam.

Amin.

AHMAD KAILANI MUHAMMAD

(Abu Al-Abrar)

Shah Alam

5 Mei 2025

Bab 1

MUHAMMAD FARGHALI, SYEIKH PENDAKWAH MUJAHID

Syahid 7 Disember 1954



Syeikh Muhammad Farghali

Syeikh Muhammad Farghali dilahirkan pada tahun 1907 dan merupakan komander kepada brigid mujahidin Ikhwanul Muslimin di Palestin. Beliau adalah seorang anggota Maktab Irsyad bagi Ikhwanul Muslimin dan pemimpin Ikhwan di Ismailiyyah dan Terusan Suez. Syeikh Muhammad Farghali merupakan seorang penceramah dan pembimbing untuk Ikhwanul Muslimin dalam bidang al-Quran, hadis, keluarga dan kegiatan riadah. Beliau adalah sezaman dengan beberapa orang tokoh Ikhwanul Muslimin lain seperti Al-Bahi Al-Khuli, Abdul Aziz Kamil, Muhammad Abdul Hamid Ahmad, Muhammad Al-Ghazali, Sayyid Sabiq dan lain-lain. Beliau juga merupakan ketua Ikhwanul Muslimin di daerah Ismailiyyah. Pembantu kanannya yang sentiasa memberi sokongan ialah mujahid Yusuf



Tal'at. Kedua-dua mereka menjadi punca yang menggugat kedudukan tentera penjajah British di kawasan tersebut.

Dari segi keperibadian, Syeikh Farghali merupakan seorang tokoh yang berwibawa, tenang, memiliki kemuliaan seorang mukmin serta semangat juang yang tinggi. Beliau berbicara dengan tenang dan penuh hikmah, menggunakan ungkapan ringkas tetapi mendalam maknanya, dipenuhi dengan kasih sayang dan kelembutan serta mempunyai keyakinan dan ketenangan. Sebaliknya beliau memandang rendah kepada penjajah Inggeris, Yahudi dan mereka yang bersekongkol dengan golongan ini dan menganggap mereka sebagai hamba material dan hawa nafsu. Beliau meyakini bahawa kaedah tarbiah Ikhwanul Muslimin mampu membentuk manusia sejati kerana ianya bersumber daripada al-Quran, sunnah dan ijma' salafussoleh. Kaedah tarbiah ini juga mampu menyiapkan generasi mukmin yang sedia berjuang, menghadapi kekufuran dalam segala bentuknya tanpa rasa takut atau gentar.

Syeikh Mujahid Muhammad Farghali adalah seorang lelaki yang mempunyai azam yang kuat, zuhud dalam penampilan, mengutamakan tindakan daripada perkataan dan selalu berbuat baik dengan manusia lain, terutamanya golongan yang lemah. Beliau menentang golongan yang zalim serta mereka yang berkuasa ke atas orang-orang lemah. Beliau amat disayangi oleh Imam Al-Banna dan menjadi orang kepercayaannya. Beliau merupakan satu bahagian penting dalam sejarah gerakan Ikhwanul Muslimin sejak penubuhannya disebabkan beliau telah menjadi anggotanya sejak awal lagi. Golongan tua dan muda di dalam Ikhwanul Muslimin memandang Syeikh Farghali dengan penuh hormat kerana akhlaknya yang dikagumi. Ucapan-ucapan yang diberikannya dalam perhimpunan dan perkhemahan Ikhwanul Muslimin mampu menawan hati para pendengar kerana mereka melihat kejujuran, kejelasan, kesederhanaan dan keikhlasan dalam apa yang diucapkannya. Ucapan beliau adalah ucapan dari hati ke hati dan mampu membangkitkan emosi, menggerakkan perasaan dan seterusnya

menyeru kepada tindakan dan jihad yang berterusan di jalan Allah. Beliau menjelaskan musuh-musuh Islam dari kalangan Yahudi dan Salibi serta penjajah dan menceritakan pengalaman perang dengan mereka di Palestin dan mendedahkan betapa pengecutnya musuh dalam menghadapi mujahidin. Kalaulah bukan kerana komplot antarabangsa dan kelemahan beberapa rejim di negeri-negeri Arab dan Muslim, nescaya Palestin tidak akan hilang, dan tidak akan ada kehadiran Inggeris, Perancis atau Amerika di negeri-negeri Islam.

Syeikh Farghali bukanlah seorang syeikh agama yang terpaku pada kulit luar dan mencari kedudukan atau jawatan, tetapi beliau adalah seorang mujahid sejati. Cukuplah baginya meninggalkan pekerjaan dan keluarganya, kemudian pergi ke Palestin bersama para mujahid yang lain. Ketika Perang Terusan Suez meletus, beliau sekali lagi meninggalkan keluarganya dan sepenuhnya terlibat dalam pertempuran.

Usaha Dakwah Syeikh Farghali

Sejak munculnya golongan yang khusus dalam memberi nasihat kepada masyarakat dan mengajar Islam kepada mereka, terdapat segelintir yang menganggap tugas mereka sekadar pekerjaan kerajaan - dengan gaji yang tetap, peraturan yang mengikat dan usaha yang diukur berdasarkan imbuhan yang diperolehi. Namun, hal ini tidak berlaku bagi Syeikh Muhammad Farghali, pendakwah di Ismailiyyah ini, seorang alim yang zuhud. Islam begitu jelas dalam diri dan pemikirannya, dan ini disampaikan kepada penduduk Ismailiyyah dalam bentuk yang asli, bersih tanpa sebarang penyelewengan dan lengkap tanpa sebarang kekurangan.

Baginya, dakwah bukan sekadar kata-kata yang diucapkan, tetapi juga teladan yang perlu diikuti dan perjuangan yang mampu membangkitkan semangat. Syeikh Farghali adalah sosok yang unik di tengah ribuan manusia, seorang yang istimewa di kalangan rakan sejawatnya, dihormati oleh para

pemimpin dan menjadi ancaman bagi pihak penjajah. Beliau berdakwah dengan pemahaman Islam yang sebenar, bekerja bersama Imam Hassan Al-Banna sejak awal dakwah di Terusan Suez dan dipilih oleh Imam Syahid kerana kepercayaan terhadap keperibadiannya. Beliau berusaha keras di sebuah kota yang dikepung oleh pasukan penjajah dari setiap sudut, yang menyangka bahawa penduduk akan terus lena dan lalai. Namun, mereka tidak menyedari bahawa kehadiran Syeikh Farghali telah menggoncang kedudukan mereka.

Dakwah Islam di Ismailiyyah berkembang dengan pesat dan menghapuskan rasa putus asa yang hampir menyelubungi seluruh kota akibat kekejaman penjajah. Cawangan-cawangan dakwah ditubuhkan, masjid didirikan, rumah tamu dibuka dan pusat untuk wanita Muslimah diwujudkan. Jiwa-jiwa yang hilang itu akhirnya menemui jalan kembali kepada Islam. Syeikh Farghali menjadi lambang kebangkitan Ismailiyyah, mencatatkan sejarah yang mendahului umat seluruhnya dalam aspek kesedaran dan kebangkitan mereka.

Syeikh Farghali Bersama Pekerja di Jabassat Al-Balah

Untuk memahami peranan dakwah Syeikh Farghali dan membangkitkan umat yang sedang tidur bagi mengembalikan kemuliaan iman dalam kehidupan mereka, mari kita menelusuri satu fasa dalam kehidupan beliau ketika Imam Syahid Hassan Al-Banna melantiknya sebagai imam dan pendakwah pertama di masjid yang dibina di Jabassat Al-Balah, Ismailiyyah. Hal ini disebut dalam memoir Imam Syahid Hassan Al-Banna:

“Beberapa orang pekerja Jabassat telah menghubungi Ikhwan di Ismailiyyah dan menyampaikan idea dakwah kepada rakan-rakan mereka. Saya dijemput untuk mengunjungi Jabassat, dan di sana para pekerja berbai’ah dengan Ikhwan untuk bersama-sama dalam dakwah. Bai’ah ini menjadi benih kepada gerakan dakwah di tempat terpencil ini. Tidak lama kemudian, pekerja-pekerja meminta syarikat mereka membina sebuah masjid kerana

jumlah mereka melebihi 300 orang. Syarikat bersetuju dengan permintaan mereka dan masjid pun dibina. Kemudian, syarikat meminta Jamaah Ikhwan di Ismailiyyah untuk melantik seorang ulama sebagai imam dan pengajar di situ. Maka, dilantiklah saudara kami, Ustaz Syekh Muhammad Farghali, seorang guru di Institut Hira' pada masa itu.”

“Ustaz Farghali tiba di Al-Balah dan mengambil alih tugas di masjid. Beliau disediakan tempat tinggal berhampiran masjid. Jiwa beliau yang kuat dan penuh pengaruh menyatu dengan jiwa pekerja-pekerja ini. Hanya dalam beberapa minggu sahaja, tahap intelektual, spiritual dan sosial mereka meningkat dengan luar biasa. Mereka menyedari nilai diri mereka, memahami kemuliaan peranan mereka dalam kehidupan dan menghargai kemanusiaan mereka. Rasa takut, hina, lemah dan putus asa hilang dari hati mereka. Mereka bangga dengan keimanan kepada Allah dan memahami tugas manusia di dunia - sebagai khalifah Allah di muka bumi. Mereka bekerja dengan tekun, mengikuti sabda Rasulullah SAW: ‘Sesungguhnya Allah mencintai apabila seorang dari kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan tekun’. Mereka juga tidak lagi tamak terhadap apa yang bukan hak mereka dan tidak terbelenggu oleh hawa nafsu yang hina.”

“Kini, setiap pekerja berdiri di hadapan ketua dengan kepala tegak, penuh hormat dan bermaruah. Mereka berbicara dengan hujah dan logik, tidak menerima kata-kata kasar atau penghinaan, amat berbeza dengan sikap mereka sebelumnya. Mereka bersatu dalam ukhuwwah, cinta, kesungguhan dan amanah. Namun, sikap ini tidak disukai oleh pihak pengurusan yang beranggapan jika keadaan ini berterusan, kuasa akan beralih kepada syekh ini, dan tiada siapa lagi dapat mengawal pekerja-pekerja.”

“Para pengurus menyampaikan pandangan ini kepada syarikat dan merancang untuk menyingkirkan syekh yang berjihad kuat ini. Ketua mereka memanggil Syekh Farghali dan berkata:



“Pengurus memberitahu bahawa syarikat tidak lagi memerlukan khidmat kamu dan sedang mempertimbangkan melantik seorang pekerja untuk menggantikan tugas kamu di masjid. Ini adalah penyelesaian gaji kamu sehingga hari ini’. Dengan tenang, Syeikh Farghali menjawab: ‘Aku tidak pernah menganggap, Tuan Francois, bahawa aku adalah pekerja syarikat Jabassat Al-Balah. Jika aku tahu, aku tidak akan menerima tugas ini. Aku adalah pekerja Ikhwanul Muslimin di Ismailiyyah, gajiku dibayar oleh mereka melalui syarikat ini. Aku berjanji dengan mereka, bukan dengan kamu. Aku tidak menerima gaji atau penyelesaian daripada kamu dan aku tidak akan meninggalkan masjid kecuali jika diperintahkan oleh ketua persatuan yang melantikku. Jika kamu mahu, berundinglah dengannya di Ismailia’. Kemudian, beliau meminta izin dan pergi.”

“Syarikat terkejut dan menunggu beberapa hari dengan harapan Syeikh akan meminta gajinya. Namun, beliau telah menghubungi saya di Ismailiyyah, dan saya menasihatinya untuk tetap berpegang pada pendiriannya. Beliau tidak berhutang apa-apa kepada mereka. Syarikat merujuk kepada pihak pentadbiran. Pengurusnya kemudian menghubungi Gabenor Terusan Suez, yang kemudian memerintahkan pegawai daerah Ismailiyyah untuk menyelesaikan masalah ini. Pegawai daerah tiba dengan pasukan keselamatan dan duduk di pejabat pengurus, lalu memanggil Syeikh Farghali. Namun, Syeikh enggan datang dan berkata: Aku tidak perlu berjumpa pegawai daerah atau pengurus. Aku ada di masjid. Jika mereka mahu, datanglah ke sini.”

“Maka, pegawai daerah terpaksa datang ke masjid dan meminta Syeikh memenuhi tuntutan syarikat. Syeikh tetap dengan pendiriannya dan berkata: ‘Kamu boleh membawa sepucuk surat dari Ismailiyyah yang memerintahkanku pergi. Jika tidak, aku hanya akan keluar dari sini sebagai mayat’. Berita ini sampai kepada pekerja-pekerja, dan mereka serta-

merta meninggalkan kerja dan berkumpul dengan marah. Pegawai daerah takut keadaan akan menjadi bertambah buruk, lalu kembali ke Ismailiyyah dan menghubungi saya untuk berunding. Namun, saya meminta masa untuk bermesyuarat dengan jawatankuasa persatuan sebelum memberi jawapan. Sementara itu, dengan berat hati, saya harus menyatakan bahawa saya bertemu dengan satu-satunya warga Mesir dalam lembaga pengarah syarikat di Kaherah. Malangnya, dia tidak peduli dengan nasib pekerja dan lebih memihak kepada syarikat serta pengurusnya, tanpa sedikit pun semangat nasionalisme.”

“Saya kemudian bertemu dengan pengurus syarikat dan bertanya apa masalahnya dengan Syeikh Farghali. Jawapannya hanya: ‘Kami mahu seseorang yang tunduk kepada kehendak kami’. Dia juga berkata: ‘Aku berkawan dengan ramai pemimpin Muslim. Aku pernah berada di Algeria selama 20 tahun, tetapi tidak pernah jumpa orang seperti syeikh ini, yang seolah-olah seorang jeneral yang menguatkuasakan undang-undang ketenteraan ke atas kami’. Saya membantah kata-katanya dan menjelaskan bahawa syarikatlah yang kejam terhadap pekerja, mengurangkan hak mereka, merendahkan martabat manusia dan kedekut dalam gaji, sedangkan keuntungan mereka berlipat ganda. Perkara ini perlu diatasi dengan reformasi sistem dan syarikat harus berpuas hati dengan keuntungan yang sederhana.”

“Akhirnya, kami bersetuju: Syeikh Farghali akan tinggal di sana selama dua bulan lagi dan syarikat akan menghormatinya sebelum beliau pergi. Mereka juga akan meminta Ikhwan secara rasmi untuk menghantar pengganti serta menggandakan gaji syeikh yang baru dan menyediakan keperluannya. Selepas dua bulan, Syeikh Farghali pulang dan tempatnya diambil oleh Ustaz Syeikh Syafi’i Ahmad. Dakwah terus berkembang di padang pasir ini.”



Jihad di Palestin

Syeikh Muhammad Farghali adalah antara yang pertama memulakan jihad di Palestin pada tahun 1948, di mana beliau telah mengetuai pasukan mujahidin Ikhwanul Muslimin ke sana. Syeikh Muhammad Farghali merupakan salah seorang pemimpin terkemuka Ikhwanul Muslimin yang mula-mula melatih saudara-saudara mereka dari Palestin dan bersama-sama mereka dalam menyerang kedudukan Yahudi, menggugat ketenteraman serta menyerang petempatan mereka. Di antara operasi berani yang dilakukan oleh Syeikh Farghali di Palestin ialah apabila beliau bersama lapan orang pejuang Ikhwan menyusup masuk ke belakang garisan musuh Yahudi. Mereka menyelinap ke sebuah petempatan menjelang subuh. Syeikh Farghali kemudian telah naik ke tempat tinggi di situ dan melaungkan azan Subuh.

Yahudi menyangka Ikhwanul Muslimin telah menyerang mereka, lalu mereka melarikan diri termasuk pengawal petempatan tersebut. Pada pagi itu, pejuang Ikhwan menyerahkan petempatan itu kepada tentera Mesir tanpa menggunakan senjata atau sebarang pertumpahan darah. Beginilah keberanian, kegagahan dan ketegasan Syeikh Farghali. Di sini juga dapat dilihat ketakutan Yahudi terhadap Ikhwanul Muslimin.

Pada suatu malam semasa Perang Palestin 1948, Hasan Al-Banna turun ke Ismailiyyah dan menghabiskan sebahagian malam bersama Syeikh Farghali, yang ketika itu bersiap untuk berangkat ke medan perang. Hasan Al-Banna berkata kepadanya: "Mungkin kamu boleh berangkat selepas fajar dan menghabiskan malam bersama kami." Namun, ketika waktu subuh tiba, mereka mendapati bahawa Syeikh Farghali telahpun berangkat lebih awal. Hasan Al-Banna, dengan penuh kegembiraan, menepuk tangan dan berkata: "Beginilah seharusnya lelaki Muslim yang bertanggungjawab!"

Syeikh Farghali tidak mahu menghabiskan walau beberapa jam jauh dari medan perang di Palestin, kerana dia bertanggungjawab terhadap nyawa para pejuang. Dengan kefahaman agama yang mendalam, beliau berada di barisan hadapan pertempuran, mengangkat senjata dan berjuang dengan darah dan jiwanya dalam perang sengit tahun 1948 antara Yahudi yang disokong oleh Rusia, Amerika, Perancis dan Britain, serta bangsa Arab pemilik tanah Palestin.

Hasan Al-Banna menegaskan bahawa pembebasan Palestin lebih dekat melalui para mujahidin yang beriman berbanding tentera kerajaan yang lemah dan dikawal oleh penjajah. Ketika itu, Ikhwanul Muslimin meminta kerajaan Al-Nuqrashi untuk membuka jalan bagi mereka ke Palestin serta memberi ruang untuk latihan dan persenjataan, tetapi permintaan itu telah ditolak. Akibatnya, mereka menyelusup secara rahsia ke Palestin, meskipun kerajaan Mesir dan penjajah Inggeris memperketat kawalan di sempadan. Namun, para mujahidin tetap melangkah ke medan jihad, mengabaikan segala rintangan demi memenuhi seruan Allah.

Menurut Kamil Al-Sharif, beliau pertama kali mengenali Syeikh Farghali ketika menemani Hasan Al-Banna dalam lawatan ke garis pertempuran di Palestin. Hubungan mereka semakin erat ketika mereka bekerja bersama dalam kempen jihad Palestin dan semakin mengenali keperibadian Syeikh Farghali yang tidak mengejar pangkat atau kedudukan, tetapi benar-benar seorang mujahid sejati.

Menurut Hussein Hijazi, Ikhwanul Muslimin mula mengumpulkan cawangan-cawangan mereka di Kaherah dan wilayah lain untuk latihan ketenteraan. Kumpulan pertama yang telah dilatih kemudian menyelinap ke gurun Negev, dipimpin oleh Kamil Al-Sharif dan Syeikh Muhammad Farghali.

Peranan Muhammad Farghali dalam Pertempuran Terusan Suez

Ketika Inggeris mulai mengganggu penduduk wilayah Terusan dan menyerang orang awam, demonstrasi rakyat meluas di seluruh wilayah. Satu perjumpaan telah diadakan di Ismailiyyah di bawah kepimpinan Syeikh Muhammad Farghali, di mana keputusan telah dibuat untuk menghadapi Inggeris dengan kekuatan dan menyerang mereka di kem-kem mereka. Beliau kemudian mengumumkan mogok umum bagi para pekerja di Terusan Suez dan para peniaga diminta menghentikan bekalan kepada tentera Inggeris. Rakyat Mesir telah turut membantu para mujahidin Ikhwanul Muslimin dalam menghadapi Inggeris. Ikhwan telah membunuh dan mencederakan ramai askar Inggeris serta turut memusnahkan banyak kemudahan tentera, jambatan, kereta kebal dan kenderaan berperisai Inggeris.

Darurat telah diisytiharkan di kalangan tentera Inggeris dan mereka dilarang keluar dari kem selepas matahari terbenam. Beberapa orang pegawai tentera Mesir turut bersemangat dan menyertai Ikhwan untuk melatih para pemuda menggunakan pelbagai jenis senjata dan taktik peperangan. Beberapa pertemuan juga diadakan di rumah Syeikh Muhammad Farghali di Ismailiyyah dengan dihadiri oleh beberapa pegawai tentera Mesir dan beberapa pemimpin Ikhwanul Muslimin. Syeikh Farghali dan Yusuf Tal'at sangat ditakuti oleh Inggeris dan sekutu mereka, dan mereka memantau pergerakan mereka melalui ejen upahan. Dalam satu wawancara dengan sebuah majalah, Syeikh Farghali berkata: "Sesungguhnya Ikhwanul Muslimin tidak akan berhenti memerangi Inggeris sehingga semua tentera British diusir dan cara terbaik bagi kepimpinan British untuk melindungi askar mereka adalah dengan menarik mereka keluar dari Terusan Suez."

Ketika Pertempuran Terusan Suez meletus, Syeikh Muhammad Farghali sekali lagi meninggalkan keluarganya dan menyertai perjuangan sepenuhnya. Beliau bukan sekadar seorang yang bersemangat secara emosional, tetapi seorang pemimpin

strategik dengan pemikiran yang tersusun. Keperibadiannya yang kuat memberikan harapan dan keyakinan kepada para pejuang di sekelilingnya, menjadikan mereka yakin bahawa mereka mengikuti seorang pemimpin yang berpengalaman dan berwibawa.

Pada tahun 1951, kerajaan Mesir membatalkan Perjanjian 1936, tetapi pihak Inggeris memandang ringan keputusan tersebut. Sementara pemimpin politik Mesir hanya berucap dan mengeluarkan kenyataan, Syeikh Farghali dan pasukannya turun ke medan pertempuran dengan tekad dan penuh keberanian, sehingga menyebabkan Perdana Menteri British Winston Churchill mengeluarkan kenyataan terkenalnya di London: "Elemen baru telah muncul di medan pertempuran." Di Terusan Suez, termasuk di kem-kem tentera British di Tel Al-Kabir, Port Said, Ismailiyyah dan Suez, pertempuran sengit berlaku. Akhirnya pihak Inggeris menyedari bahawa kehadiran mereka di Mesir tidak akan bertahan lama.

Syeikh Farghali bukanlah sosok yang asing bagi pihak Inggeris. Keberaniannya di Ismailiyyah sudah terkenal dan beliau sering menentang penjajah secara terbuka. Ketika komander tentera penjajah mengancam untuk mengerahkan pasukan ke jalanan, Syeikh Farghali menghadapi mereka secara langsung, mengenakan pakaian ulama Al-Azhar sambil membawa senjata. Beliau menuntut pengunduran pasukan penjajah dan akhirnya pihak Inggeris menarik balik ancaman mereka dan berundur dari jalanan Ismailiyyah.

Menurut Kamil Al-Sharif, di Ismailiyyah terdapat pasukan rahsia yang paling kuat, dengan Syeikh Farghali sebagai pemimpin utama, dibantu oleh Yusuf Tal'at serta ramai pemuda yang bersemangat dari pelbagai latar belakang. Di Ismailiyyah juga terdapat rangkaian perisikan yang menjejaki aktiviti British serta pengkhianat Mesir dan ejen asing. Konflik tersembunyi sering berlaku antara pasukan ini dan agensi perisikan British, kadangkala mencetuskan pertempuran kecil di pelbagai lokasi.

Pihak Inggeris menyedari bahaya besar yang dibawa oleh Syeikh Farghali, sehingga mereka menawarkan ganjaran besar bagi sesiapa yang dapat menangkapnya hidup atau mati. Pada tahun 1954, keadaan semakin tegang, tetapi Syeikh Farghali tetap teguh dan tidak goyah. Beliau menolak segala bentuk sogokan dan ancaman, memilih untuk berdiri teguh sebagai seorang mujahid sejati. Beliau mengorbankan segala kepentingan duniawi, mengangkat kepalanya dengan penuh kehormatan dan tidak tunduk kepada sebarang penghinaan terhadap agamanya. Di medan jihad Palestin, di Terusan Suez dan dalam perjuangan dakwahnya, beliau tetap menjadi simbol keberanian dan keteguhan. Bahkan ketika berada dalam penjara rejim yang zalim, beliau tetap bersabar, bertahan dan berjuang dengan penuh keikhlasan.

Ketegasan Syahid Muhammad Farghali

Syeikh Muhammad Farghali adalah seorang pemimpin yang dihormati dan disegani, meskipun memiliki kerendahan hati dan kesopanan yang luar biasa. Kunci keperibadiannya adalah keteguhan prinsip, menjauhi perselisihan kecil serta menjaga kehormatan dan martabat perjuangannya. Beliau sangat menjaga reputasi dakwah dan organisasi serta mempertahankan maruahnya dengan penuh ketegasan. Salah satu peristiwa yang menggambarkan keteguhan sikapnya terjadi selepas kejayaan kudeta tentera dan pembentukan kerajaan pertama Muhammad Naguib. Kamil Al-Sharif menulis berkata dalam bukunya *Al-Muqawamah Al-Sirriyyah fi Qanat Suais* (Perjuangan Rahsia di Terusan Suez):

“Saya pertama kali mengenali Syeikh Muhammad Farghali pada hari beliau menemani Imam Syahid Hasan Al-Banna dalam lawatannya ke barisan pertempuran di Palestin. Kemudian ikatan persaudaraan di antara kami semakin erat ketika kami bekerja bersama-sama semasa kempen Palestin. Pengetahuan dan kekaguman saya terhadapnya bertambah. Beliau adalah

seorang yang membuat anda (meskipun dengan kerendahan hati dan kesopanannya yang mendalam) untuk menghormati dan menghargainya. Kunci keperibadiannya adalah menjauhi hal-hal kecil, mengelakkan perselisihan dan menjauhi semua perkara yang mengaibkan. Beliau sangat menjaga reputasi dan organisasi dakwah dan sangat cemburu terhadap keagungan dan kehormatannya. Saya masih ingat semasa saya bersama Syeikh Farghali mewakili Ikhwan dalam pertemuan di pejabat Jamal Abdul Nasser, yang pada waktu itu adalah Menteri Dalam Negeri dalam kabinet Muhammad Najib. Pertemuan itu juga dihadiri oleh tokoh-tokoh kudeta seperti Abdul Hakim Amer, Salah Salem dan Hussein Kamal El-Din. Para perwira kudeta itu ingin memecah belah antara Syeikh Farghali dan Mursyidul Am Hasan Al-Hudhaibi dengan menyebutkan jihad Syeikh Farghali di bumi Palestin dan Terusan Suez serta memuji beliau dan merendahkan peribadi Mursyidul Am. Namun, Syeikh Farghali segera memotong pembicaraan mereka dan berkata dengan marah: 'Kalian harus menyedari bahawa orang yang kalian bicarakan ini adalah pemimpin kami dan ketua kelompok kami, dan saya menganggap pembicaraan kalian ini sebagai penghinaan terhadap seluruh kelompok dan terhadap diri saya secara khusus. Jika ini adalah cara kalian, maka kalian tidak akan mencapai apa pun.' Kata-kata ini cukup untuk menyedarkan mereka bahawa mereka berhadapan dengan seorang pemimpin yang tegas dan tidak mudah dipengaruhi, sehingga mereka terpaksa mengalihkan perbualan ke topik lain."

Jamal Abdul Nasser dan Tawaran Jawatan Syeikh Al-Azhar

Dalam salah satu pertemuan awal antara Jamal Abdul Nasser dan Syeikh Farghali, beliau diundang untuk bersarapan di kediaman Abdul Nasser. Bersama Syeikh Farghali, hadir juga Muhammad Hamid Abu Al-Nasr, seorang tokoh Ikhwan. Dalam pertemuan tersebut, Abdul Nasser membincangkan beberapa perkara penting, termasuk menghapuskan perselisihan antara Ikhwan dan kerajaan revolusi serta reformasi Al-Azhar sebagai pusat ilmu

SYUHADA DI BUMI BARAKAH AL-QUDS

Siri
2

Buku ini adalah merupakan siri kedua kepada buku bertajuk *Syuhada Di Bumi Barakah Al-Quds* yang merupakan himpunan biodata para syuhada yang berjuang untuk pembebasan Al-Quds. Siri kedua ini memaparkan seramai 15 orang syuhada yang merupakan pemimpin dalam Gerakan Hamas dan Briged Izzuddin Al-Qassam yang telah gugur sehingga mutakhir ini. Para syuhada ini mempunyai latar belakang yang pelbagai seperti pensyarah universiti, jurutera, ulama dan usahawan, tetapi mereka mempunyai satu titik persamaan dalam perjuangan mereka, iaitu menjadikan keimanan yang kuat dan akhlak Islam yang kukuh sebagai titik tolak perjuangan mereka.

Buku ini dimulakan dengan penceritaan mengenai Syeikh Muhammad Farghali yang merupakan seorang pendakwah dari Mesir yang telah berjihad di Palestin dalam Perang 1948. Beliau dipaparkan dalam buku ini kerana beliau menjadi mata rantai kepada penglibatan Ikhwanul Muslimin dalam jihad di Palestin. Ini diikuti dengan ulama mujahid seperti Dr. Abdullah Azzam dan Dr. Nizar Rayyan yang rela meninggalkan kesenangan dunia yang mampu mereka miliki demi sebuah perjuangan jihad untuk pembebasan Al-Quds.

Beberapa orang jurutera yang merupakan pakar pembuatan roket, pembinaan terowong dan penyumbang kepada pembangunan persenjataan Briged Al-Qassam seperti Muhyiddin Al-Sharif, Imad Aqel, Muhannad Al-Tahir, Nidhal Farhat, Adnan Al-Ghoul dan Raed Al-Attar juga disebutkan dalam siri ini. Dengan kesungguhan dan kecekalan mereka, para jurutera ini telah berjaya membangunkan industri senjata untuk Briged Al-Qassam. Nama-nama hebat di dalam Hamas seperti Saeed Siyam, Saleh Al-Arouri, Muhammad Al-Deif, Ismail Haniyeh dan Yahya Sinwar turut diabadikan dalam buku ini untuk dijadikan qudwah kepada mereka yang cintakan Al-Quds.

Semoga buku ini mampu meniupkan semangat mereka yang ingin melihat pembebasan Al-Quds dan terus menjadi di antara yang turut menyumbang ke arah itu.

ilhambooks

www.ilhambooks.com



9 789670 067360